

**Kemenangan Satu Titik Perubahan di Teluk Intan - Mah
Bernama
Mei 31, 2014**

TELUK INTAN, 31 Mei (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) Datuk Mah Siew Keong berkata kemenangan beliau pada pilihan raya kecil (PRK) kerusi Parlimen Teluk Intan akan membawa satu titik perubahan bukan sahaja di kawasan itu malah kepada parti Gerakan.

Presiden Gerakan itu menyifatkan pertandingan kali ini amat sengit namun parti komponen BN membuktikan kemampuan untuk menang jika bersatu.

"Bagi saya, ini juga satu titik perubahan kepada Gerakan. Saya bangga dengan kerjasama antara parti komponen BN yang membawa kejayaan" katanya ketika ditemui pemberita selepas diumumkan sebagai pemenang dalam PRK itu oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Datuk Ibrahim Ahmad di pusat penjumlahan undi di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib di Teluk Intan, Sabtu malam.

Mah mengalahkan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud dengan majoriti 238 undi selepas memperoleh 20,157 undi berbanding Dyana Sofya yang mendapat 19,919 undi.

Beliau amat berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, yang banyak memberi nasihat dan bimbingan dalam perjuangan kali ini.

Mah berkata sebagai tanda terima kasih terhadap sokongan pengundi Teluk Intan, beliau akan berkunjung ke pasar besar untuk menemui sendiri mereka yang menyokongnya.

Sementara itu, Dyana Sofya Mohd Daud semasa berucap di depan kira-kira 200 penyokong dan jentera Pakatan Rakyat di Teluk Intan kemudian, melahirkan rasa kecewa kerana gagal mempertahankan kerusi DAP di Parlimen Teluk Intan.

Bagaimanapun, beliau berikrar akan meneruskan perjuangan parti itu dan berjanji tidak akan menghampakan penyokong.

"Saya tetap akan berada dan memberi fokus kepada masyarakat di sini," kata setiausaha politik kepada anggota Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang, yang juga Penasihat DAP.

Dyana Sofea bagaimanapun enggan menemui pihak media.

Dalam pada itu bekas Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yakin anggota Parlimen Teluk Intan yang baharu itu akan terus memberi sumbangan lebih besar kepada kawasan itu dan negara.

"Walaupun saya berada di sini tetapi saya masih pantau keadaan (di Teluk Intan) kerana ia

merupakan pilihan raya kecil (PRK) yang amat penting untuk Barisan Nasional (BN), Gerakan dan negara kita," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri Makan Malam Persahabatan Malaysia-China bersempena sambutan hubungan diplomatik 40 tahun antara kedua-dua negara di Beijing.

Koh juga mengucapkan terima kasih kepada semua pengundi di Teluk Intan, jentera pilihan raya, parti komponen BN, pertubuhan dan individu yang telah membantu dalam PRK itu.

"Saya telah mengucapkan tahniah kepada Mah melalui SMS," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042929>